

SEJARAH
KERTAS 1

1249/1

OKTOBER
1 jam

Satu jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2023**

**SEJARAH
KERTAS 1**

TINGKATAN 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan

Jawab semua soalan

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C, dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan.*

Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

1 Senarai berikut merupakan wilayah naungan kepada Kesultanan Melayu Melaka.

- Kedah
- Patani
- Lingga

Apakah tindakan wilayah tersebut terhadap Kesultanan Melayu Melaka?

- A Membina istana
- B Menerima ketuanan
- C Menyerah bunga emas
- D Memberi kerahan tenaga


2 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka (KMM).

KMM terkenal kerana kejayaan mewujudkan keamanan di darat dan di laut

Bagaimanakah kejayaan tersebut dicapai?

- A Jaminan keselamatan oleh Siam
- B Ancaman lanun berjaya dibanteras
- C Kerjasama dari masyarakat tempatan
- D Pelaksanaan pentadbiran peringkat pusat

- 3 Tokoh berikut terlibat dalam Revolusi Amerika pada tahun 1776.



Thomas Jefferson

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menggulingkan raja berkuasa mutlak
 - B Membuat kempen kesedaran nasionalisme
 - C Menulis Perisytiharan Kemerdekaan Amerika
 - D Memperjuangkan prinsip raja berperlembagaan
- 4 Perjuangan Sultan Abdullah Mukarram Shah di Kedah merupakan perjuangan terawal di Kedah.
Apakah bukti untuk menyokong perjuangan tersebut?
- I Mendapatkan kembali Pulau Pinang
 - II Melancarkan serangan terhadap Siam
 - III Menamatkan penghantaran bunga emas
 - IV Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini memberi penekanan kepada nasionalisme melampau.
Mengapakah gerakan tersebut bertindak sedemikian?

- A Meningkatkan imej negara
- B Mengadakan sekatan ekonomi
- C Memperkukuhkan sistem pertahanan
- D Memajukan perdagangan antarabangsa

- 6 Tokoh berikut mendapat gelaran nama “Harimau Malaya”

Tengku Mahmood Mahyidden

Mengapakah gelaran tersebut diberi pada beliau?

- A Mengelolakan siaran radio dari India
 - B Menubuhkan pasukan gerila anti Jepun
 - C Melancarkan serangan kilat terhadap Jepun
 - D Menubuhkan pasukan tentera darat Malaya
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tempoh	Selepas Perang Dunia Kedua
Tujuan Rancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pelaburan ekonomi • Mengukuhkan pertahanan • Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga

Apakah rancangan pentadbiran tersebut?

- A Persekutuan Tanah Melayu
- B Rancangan Briggs
- C Suruhanjaya Reid
- D Malayan Union

- 8 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British telah diisytiharkan di Kuching. Bagaimanakah impak penyerahan tersebut terhadap Sarawak?
- A Kegiatan perdagangan terjejas
 - B Negeri menjadi tanah jajahan
 - C Sempadan wilayah berubah
 - D Sistem beraja tergugat
- 9 Mengapakah British menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946?
- A Menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - B Mengkaji isu perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - C Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
 - D Menerima memorandum Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- 10 Apakah kebaikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja?
- A Pemansuhan sistem pewarisan takhta
 - B Pengukuhan kedudukan Raja-raja Melayu
 - C Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
 - D Pentadbiran diketuai oleh Yang Dipertuan Agong
- 11 PKM tetap mencetuskan huru-hara walaupun Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan. Apakah tujuan PKM bertindak sedemikian?
- A Penduduk hilang keyakinan terhadap British
 - B Bertindak untuk menunjukkan kekuatan PKM
 - C Peroleh sokongan daripada pembesar Melayu
 - D Bergabung dengan pertubuhan politik tempatan

12 Tokoh berikut telah melancarkan kempen “Memenangi Hati dan Fikiran Rakyat”



Sir Gerald Templer

Apakah kejayaan kempen tersebut?

- A Memujuk rakyat menentang komunis
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
- C Mewujudkan sistem pendidikan yang seragam
- D Memupuk kerjasama rakyat melalui parti politik

13 Apakah kebaikan penubuhan Sistem Ahli terhadap negara kita?

- I Menjadi asas mencapai kemerdekaan
- II Menyatukan semua negeri Melayu
- III Pemulihan kedaulatan Raja-raja Melayu
- IV Pendedahan penduduk dalam pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Ordinan Pelajaran 1952 gagal mencapai matlamat.
Apakah faktor jawatankuasa pelajaran tersebut gagal?


- A Negara mengalami masalah kewangan
- B Kejatuhan harga komoditi utama negara
- C Ancaman komunis semasa zaman darurat
- D Mendapat tentangan daripada semua kaum

15 Mengapakah peristiwa berikut dilakukan?

Tarikh	Peristiwa
21 April 1954	Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock

- A Menetapkan tarikh kemerdekaan negara
- B Menuntut penubuhan kabinet pertama
- C Menentukan bilangan anggota MPP
- D Mendapat mandat daripada British
- 16 Bagaimanakah kuasa Pesuruhjaya Tinggi dikurangkan selepas pelantikan kabinet pertama?
- A Pemohonan pada Ratu England
- B Kuatkuasa Parlimen Malaya
- C Membatalkan kuasa veto
- D Melalui Majlis Raja-Raja
- 17 Apakah gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Menubuhkan parti politik berhaluan kiri
- B Menganjurkan konvensyen kebangsaan
- C Mendapatkan sokongan daripada negara luar
- D Meminta cadangan daripada semua penduduk

- 18 Rajah berikut menunjukkan jenis kerakyatan yang dipersetujui dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ip58.



Apakah X ?

- A Sementara
 B Permohonan
 C Pemindahan
 D Perkahwinan
- 19 Apakah makluman Dato' Abdul Razak Hussein melalui Radio Malaya pada 3 Ogos 1957?
- A Tempat sambutan kemerdekaan
 B Protokol sambutan kemerdekaan
 C Atur cara sambutan kemerdekaan
 D Tarikh pemasyhuran kemerdekaan
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

101 das tembakan meriam dilakukan selepas majlis menaikkan bendera kebangsaan.

Apakah tujuan tembakan meriam dilakukan?

- A Permulaan pembentukan Kabinet Menteri
 B Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
 C Penghargaan terhadap pejuang negara
 D Pembentukan negara yang berdaulat

21 Apakah takrif kedaulatan mengikut Bahasa Melayu?

- A Negara yang bebas dan merdeka
- B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- C Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara
- D Negara berkuasa penuh terhadap pemerintahan

22 Maklumat berikut merupakan peranan rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara?

- Memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan
- Menganggotai pasukan keselamatan

Apakah manfaat rakyat berbuat demikian?

- A Membawa kesejahteraan hidup
- B Melicinkan pentadbiran negara
- C Mengukuhkan pertahanan negara
- D Meningkatkan kewibawaan pemimpin

23 Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap penting dalam perkembangan perlembagaan negara?

- A Rakyat menyuarakan pandangan
- B Pembentukan sebuah persekutuan
- C Majlis Raja-raja Melayu bersidang
- D Parlimen diberikan kuasa perundangan

24 Bagaimanakah kedudukan Yang di-Pertua Negeri Sabah dalam menjalankan peranan pentadbiran?

- A Menjadi ketua agama Islam
- B Memutuskan perbelanjaan negeri
- C Mengikut nasihat Kabinet Negeri
- D Boleh mengampun kesalahan jenayah

25 Namakan sistem yang diperkenalkan oleh British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu?

- A Sistem Beraja
- B Sistem Residen
- C Sistem Penasihat
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan

26



Logo di atas merupakan logo Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Apakah peranannya?

- A Mempromosi dan melindungi hak asasi semua rakyat di negara ini
 - B Memastikan rakyat Malaysia selalu mematuhi undang-undang
 - C Memastikan rakyat Malaysia mendapat kebebasan mutlak
 - D Menjamin keamanan dan kesejahteraan awam
- 27 Kerajaan Tempatan berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Apakah peranan tersebut?
- I Menyenggara jalan raya
 - II Menjaga kesihatan awam
 - III Mengawal kegiatan perhutanan
 - IV Merancang pembangunan luar bandar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Berikut adalah dua kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah.

- RASCOM
- ESSCOM

Apakah matlamat pelancaran kawasan tersebut?

- A Mencegah jenayah perairan
 - B Membuktikan kekuatan tentera
 - C Menjamin keselamatan negara
 - D Membanteras penyeludupan barang
- 29 Mengapakah golongan pedagang dan pengusaha industri di Singapura menyokong pembentukan Malaysia?
- A Mendapatkan kemerdekaan
 - B Kekayaan bahan mentah
 - C Menggalakkan pelaburan
 - D Membuka peluang pasaran
- 30 Dr Ismail Abdul Rahman membawa isu serangan Indonesia ke Majlis Keselamatan PBB.
Apakah pendekatan Malaysia dalam hal ini?
- A Diplomatik
 - B Kerjasama
 - C Provokasi
 - D Berdikari

- 31 Tindakan berikut telah dilakukan oleh kerajaan untuk menangani ancaman komunis.

26 Mac 1972



Membentuk Rajang Area Security Command (RASCOM) di Sarawak

Antara berikut, kawasan bahagian manakah terlibat dengan RASCOM?

- A Pertama
 - B Kedua
 - C Ketiga
 - D Keempat
- 32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi kadar pengangguran yang meningkat dalam tahun 1970-an?
- A Menawarkan pekerjaan dalam perkhidmatan awam
 - B Penubuhan pusat latihan vokasional dan teknikal
 - C Memberikan kenaikan gaji yang bersesuaian
 - D Menyekat kemasukan pekerja luar negara
- 33 Mengapakah tokoh berikut memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan pada tahun 1965?



Aminuddin Baki

- A Mengawal perkembangan sekolah swasta
- B Memperkasakan sekolah vokasional
- C Memperkenalkan bahasa asing
- D Melahirkan tenaga kerja mahir

- 34 Matlamat penubuhan Rukun Negara ialah melahirkan masyarakat yang progresif. Apakah ciri-ciri masyarakat yang progresif?
- A Mengamalkan budaya masing-masing
 - B Menjamin kebebasan dalam berpolitik
 - C Mewujudkan persaingan secara positif
 - D Mengikut kemajuan sains dan teknologi
- 35 Apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang ditubuhkan pada tahun 1973?
- A Membantu petani dalam kegiatan koperasi
 - B Menjalankan penyelidikan pertanian
 - C Mengawal kualiti hasil pertanian
 - D Memajukan industri makanan
- 36 Apakah tujuan penyusunan semula modal saham dalam sektor korporat di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- A Membina kemudahan infrastruktur di luar bandar
 - B Meningkatkan bahagian saham kaum bumiputera
 - C Meningkatkan integrasi ekonomi antara negeri
 - D Memudahkan rakyat membuat pelaburan
- 37 Mengapakah dasar luar penting kepada sesebuah negara?
- A Mengekalkan identiti negara
 - B Mempengaruhi tindakan negara
 - C Memelihara kepentingan kuasa besar
 - D Memantapkan kuasa pemimpin tempatan

- 38 Mengapakah Malaysia menentang pelaksanaan dasar Aparteid di Afrika Selatan?
- A Pengiktirafan terhadap golongan radikal
 B Mengancam perdagangan antarabangsa
 C Melindungi kepentingan negara maju
 D Penyalahgunaan hak asasi manusia
- 39 Apakah manfaat yang diperolehi Malaysia melalui penyertaan dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?
- I Pembangunan melalui Rancangan Colombo
 II Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa
 III Pengukuhan institusi hub halal negara
 IV Peluasan sistem perbankan Islam
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 40 Maklumat berikut berkaitan penglibatan misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka.

Mercy Malaysia	Membina pusat kesihatan komuniti
ABIM	Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan
Yayasan RESTU	Membangunkan rumah anak yatim

Apakah peristiwa yang membawa NGO negara kita melaksanakan kerja kesukarelawan di kawasan tersebut?

- A Berlaku bencana alam
 B Krisis politik dalaman
 C Serangan rejim Zionis
 D Isu kekurangan makanan

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

- SOALAN TAMAT -